

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN VIDEO PENDEK TIKTOK RAMADHAN & RAYA (#RnRTikTok)

ANJURAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK TIKTOK SEMPENA BULAN RAMADHAN DAN RAYA AIDILFITRI MEMUPUK KREATIVITI DAN ERATKAN SILATURAHIM

IPOH, JULAI 14, 2023 – Satu majlis penyampaian hadiah telah berlangsung di Hotel Casuarina@Meru petang hari ini untuk meraikan para pemenang Pertandingan Video Pendek Ramadhan & Raya, iaitu melalui penghasilan video di aplikasi TikTok.

Anjuran Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO (COMME) melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak), pertandingan ini telah memilih tiga (3) pemenang utama, iaitu Pemenang tempat pertama En. Zaidi Zain bin Ibrahim dengan hadiah wang tunai RM1, 500, Pemenang tempat kedua Annetta Zaity Binti Zainal dengan hadiah wang tunai RM1,000, Pemenang tempat ketiga Nur Hazwani Husna Binti Adzhar dengan hadiah wang tunai RM700 serta sembilan (9) hadiah saguhati berupa hadiah wang tunai RM100 setiap satu.

Majlis penyampaian hadiah dan majlis penutup ini disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO, YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi.

Hadir bersama-sama dalam majlis Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Mohamad Suhaimi Mohamad Tahir.

Pertandingan ini bersifat inklusif dan menyahut usaha Malaysia Madani dalam pemupukan keharmonian rakyat selain daripada menyediakan peluang kepada para peserta menunjukkan bakat kreativiti dalam pembangunan kandungan multimedia kreatif.

